

perempuan dalam kelas silat itu, mengatakan bahawa kaum wanita harus mencebur i bidang ini kerana selain daripada menganggapnya sebagai satu senaman, ia amat perlu dalam masa-masa tertentu.

"Kalau orang lelaki boleh berjaya dalam silat, kenapa tidak pula wanita. Lagipun, kami tidak boleh mengharapkan pertolongan kaum lelaki saja apabila diganggu."

"Ada masanya kaum wanita perlu mempertahankan dirinya sendiri. Umpamanya, apabila dia diserang oleh lelaki yang hendak mengganggunya," kata

Mafia, 16 tahun.

10 NOV 1988
Latihan seni silat ini diadakan di gelanggang bola keranjang berhadapan Blok 224, Bukit Batok Street 21, setiap Jumaat malam. Ia dipimpin oleh Encik Sukiantor Tokiman, pesilat kumpulan Pasak.

Para belia yang tinggal di estet perumahan Bukit Batok yang ingin mengikuti kelas silat ini, boleh menghubungi Encik Kamsan atau Encik Othman Ahmad, seorang lagi anggota RC, di nombor telefon 5646434. Yurannya ialah \$5 sebulan.

Kelantan mahu rangkul empat emas

PESERTA-PESERTA silat pasukan Kelantan sudah bersedia turun untuk membawa pulang sekurang-kurang empat pingat emas di Sukan Malaysia hari ini.

Tuan Zailani Tuan Man yang sempat berlatih tiga hari bersama 14 pesilat skuad itu di Perkampungan Sukan Universiti Malaya, berada dalam keadaan cergas bagi mendapatkan sebutir pingat.

12 NOV 1988
Harapan juga diletakkan kepada pelatih skuad Sukan SEA, Sazali Said dalam kelas I. **B. Harian (M)**

"Kami mahu menguasai sukan silat dan menebus kekecewaan di Kejohanan Kebangsaan, Ogos lalu, di mana kami sekadar menduduki tempat kedua di belakang Selangor," kata ketua jurulatih, Mohd Noor Mahmud.

Katanya, walaupun matlamat utama mereka ialah mendapatkan sekurang-kurangnya empat emas, skuad ini yang sudah melakukan persediaan lebih dua bulan, berupaya mendapatkan lebih daripada itu.

"Selain memenuhi matlamat itu, kami berazam menghalang Penguasaan Selangor dalam sukan ini. Sekalipun Selangor menurunkan Nazrah Latif dan Normala Yaacob untuk menguasai bahagian wanita," kata Mohd Noor semalam.

SUKU AKHIR

Pesilat Kelas F menarik

HANYA pesilat-pesilat Kelas F memamer persembahan menarik di perlawanan suku akhir di Stadium Negara, pagi semalam.

18 NOV 1988
Abdul Malik Mohamad Zin dari Perak menundukkan Anuar Amri Taharin (Perlis) dengan TKO pada pusingan pertama apabila tumbukan dan tendangan padunya gagal dielak oleh pencabarnya.

Sebelum itu, Abdul Rahim Wahab dari Sabah mengalahkan Abdul Malik Abdul Suban (Wilayah Persekutuan) dengan kemenangan tipis 3-2. Dua pesilat itu memamer corak persilatan yang baik. **B. Harian (M)**

Bagaimanapun, juri memilih Abdul Rahim untuk memenangi perlawanan itu kerana mempunyai gaya persembahan yang menarik.

Manakala pesilat Kelas G, Shafie Abu Bakar dari Terengganu mendapat kemenangan percuma apabila pencabarnya, Ahmad Karim (Selangor) gagal hadir di gelanggang.

